

Sumbangan Krismas

Grand Saga
AM, KUALA LUMPUR, 21/12/03, ms 26

KUALA LUMPUR 1 Jan. - Grand Saga Sdn. Bhd. semalam memberi sumbangan barangan persekolahan kepada 76 anak yatim di Pusat Yayasan Shepherd, Semenyah dekat sini, bagi memberi semangat kepada mereka untuk lebih cemerlang dalam peperiksaan.

Pengurus Pembangunan Perniagaan dan Hal Ehwal Korporat, Mustapha Kamal berkata, program tanggungjawab sosial korporat (CSR) itu merupakan antara aktiviti tahunan syarikatnya dalam memberi bantuan kepada golongan kurang berkemampuan.

"Kali ini kami memberi bantuan berupa kasut dan beg sekolah serta alat tulis kepada penghuni di sini.

"Diharapkan melalui sumbangan yang diberikan ini mampu menggemblirakan dan menjadikan mereka insan yang lebih cemerlang pada masa akan datang," katanya selepas menyampaikan sumbangan kepada penghuni di pusat berkenaan.

Sementara itu, penghuni pusat tersebut, A. Raju, 19 ketika ditemui berkata, dia sangat gembira dengan sumbangan tersebut dan berjanji akan belajar bersungguh-sungguh untuk menjadi seorang yang berjaya kelak.

"Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Grand Saga kerana sering memberi sumbangan kepada pusat yayasan ini," katanya yang kini menuntut di Sekolah Teknik Montfort Youth Centre, Melaka.

Gan Heng Ann, 14, pula yang bersekolah di Sekolah Menengah Kebangsaan Engku Husain, Semenyah berkata, dia gembira dan terharu dengan pemberian tersebut.

"Kami sering mendapat sumbangan daripada pelbagai pihak dan saya akan belajar dengan lebih tekun selepas ini," ujarnya.



BANTUAN PERSEKOLAHAN

PENGURUS Pembangunan Perniagaan & Hal Ehwal Korporat Grand Saga Sdn. Bhd. Mustapha Kamal Kamaruddin menyampaikan bantuan kelengkapan persekolahan kepada sebahagian kanak-kanak di Rumah Perlindungan Bagi Kanak-Kanak Yang Kurang Bermaslah Balak, Yayasan Shepherd's Centre, Kajang, Selangor, semalam. - UTUSAN/NOOR MOOR MAT AMAN